

22 NOV 1999

MANIFESTO BN ADALAH TEPAT DAN REALISTIK, KATA SANUSI

LANGKAWI, 22 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid menyifatkan manifesto Barisan Nasional yang bertemakan "Malaysia Bebas Sepadu Maju" sebagai tepat dan realistik.

Ia merupakan satu manifesto yang dapat menjamin kestabilan politik di negara ini, katanya kepada pemberita selepas melawat pesakit di Hospital Langkawi di sini hari ini.

Sebelum itu, Sanusi yang diiringi beberapa anggota parti komponen BN mengadakan kempen dari pintu ke pintu sambil mengedarkan risalah di sekitar Kuah termasuk kawasan membeli belah di Pandak Mayah di sini.

"Saya rasa manifesto ini adalah jauh lebih realistik dan futuristik berbanding manifesto parti alternatif," katanya.

Katanya manifesto, yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi, menjamin Malaysia mencapai Wawasan 2020 serta dapat menarik pelabur asing, meningkatkan kehadiran pelancong dan menyediakan peluang pekerjaan dan kesejahteraan kepada rakyat.

-- BERNAMA

NH RI